

## Rampas barangan seludup RM1.5 juta



AZHARI (kiri) dan Azanizam menunjukkan barang subsidi seperti minyak masak dan tepung gandum yang dirampas di sebuah stor di Kampung Lubok Gong, semalam.  
FOTO Nor Fazlina Abdul Rahim

Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@nstp.com.my

PASUKAN Gerakan Am (PGA) Batalion 7 merampas pelbagai barangan seludup bernilai RM1.5 juta menerusi Op Benteng Covid-19, dalam tempoh lapan hari sehingga semalam.

Pegawai Pemerintahnya, Superintendan Azhari Nusi berkata, jumlah rampasan itu membabitkan 32 kes termasuk kes Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Beliau berkata, seramai 32 individu turut ditahan yang dipercayai melakukan pelbagai kesalahan.



"Sepanjang tempoh lapan hari, kita berjaya mematahkan cubaan aktiviti penyeludupan menerusi hasil rampasan bernilai RM1.5 juta.

"Rampasan itu membabitkan haiwan ternakan, barangan kosmetik, barangan elektrik, pakaian dan barang subsidi," katanya pada sidang media di Rantau Panjang, petang semalam.

Beliau berkata, pihaknya akan mempergiat operasi bagi mengawal keselamatan sempadan negara bagi mengekang aktiviti penyeludupan.

"Untuk tujuan itu, kita sudah melaksanakan beberapa bentuk tugas seperti rondaan berjalan kaki, rondaan berkereta, rondaan motosikal dan penambahan tiga sekat pintas.

"Kita mahu kawalan sempadan negara diperkukuhkan bagi membanteras sebarang bentuk pencerobohan dan penyeludupan, selain mencegah kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI)," katanya.

Terdahulu, Azhari berkata, rampasan terbaharu yang dilakukan pihaknya dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) semalam membawa kepada rampasan barang subsidi bernilai RM119,750.

Operasi 12.15 tengah hari semalam di sebuah stor di Kampung Lubok Gong dan pihaknya merampas 300 kotak minyak masak anggaran berat 5,100 kilogram.

Turut dirampas katanya, 1,000 kotak tepung gandum dengan anggaran berat 10 tan dan kesemua barangan berkenaan untuk diseludup ke Thailand

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/592950/rampas-barangan-seludup-rm15-juta>

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 24 Jun 2020 @ 9:05 AM